



KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN HUKUM SYARAK

4/109/2018

31 JULAI 2018

FATWA BERKENAAN KEWAJIPAN MEMBAYAR ZAKAT DI TEMPAT BEKERJA ATAU MENCARI REZEKI

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-109/2018 yang bersidang pada 31 Julai 2018 telah memutuskan bahawa:

1. Zakat **HENDAKLAH** dibayar di negeri tempat seseorang itu bekerja dengan tidak mengambil kira di mana seseorang itu menetap.¹

¹1. Antara dalil-dalil dan hujah-hujah yang berkaitan dengan Hukum Membayar Zakat Mengikut Tempat Bekerja atau Rezeki Diperolehi adalah seperti berikut:

- (a) Firman Allah s.w.t.:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: "Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka kerana sesungguhnya doamu itu menjadi keenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

(Surah al-Taubah:103)

- (b) Firman Allah s.w.t.:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada 'Ulil-Amri' (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu."

(Surah al-Nisa':59)

- (c) Daripada Ibn Abbas r.anhuma bahawa tatkala Rasulullah s.a.w. mengutuskan Muadz bin Jabal ke penduduk Yaman, baginda berpesanan antara lainnya:

فَاعْلَمْتُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُوْحَدُ مِنْ أَعْيَانِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَاءِهِمْ

Maksudnya: "Maka beritahulah mereka bahawa Allah telah menfardukan ke atas mereka sadaqah (zakat wajib) terhadap harta-harta mereka, diambil daripada orang kaya dalam kalangan mereka dan dikembalikan kepada orang kafir dalam kalangan mereka."

(Hadis riwayat al-Bukhari, 1395)

Nas-nas di atas difahami oleh para ulamak merujuk kepada keutamaan membayar zakat di negeri yakni tempat harta-harta zakat itu diperolehi.

Permastautinan asal sesebuah harta adalah pada tempat ianya diusahakan atau dihasilkan. Para fuqaha' antaranya dari kalangan Hanafiyyah, Syafi'iyah, Hanabilah dan satu pandangan di sisi Malikiyyah mengatakan ianya adalah tempat beradanya sesuatu harta tersebut terutama dari kalangan harta-harta yang zahir.

- (d) Al-Imam al-Nawawi menukulkan pandangan bahawasanya jika pemilik harta berada di sebuah tempat namun hartanya di tempat atau negara yang lain, maka yang dikira ialah tempat harta tersebut berada.

(Lihat Raudhat al-Talibin, 2/195 dan mughni al-Muhtaj 1/410)

- (e) Begitu juga al-Mawardi dalam Al-Insaf menyatakan jika pemiliknya berada di sebuah negara dan hartanya di negara lain maka zakatnya dikeluarkan di negaranya (negara di mana harta tersebut disimpan) tanpa sebarang perselisihan pandangan.

(Fiqh al-Zakah, 2/810, al-Musu'ah al-Kuwaitiyyah 23/331)

- (f) Dari aspek perundangan Negara, Perlembagaan Persekutuan telah menyenaraikan zakat di bawah bidang kuasa negeri. Semua negeri di Malaysia telah memperuntukkan perkara berkenaan dengan urusan zakat ini sama ada di bawah akta atau enakmen di negeri masing-masing atau diletakkan di bawah enakmen khusus tentang zakat. Akta atau enakmen juga memperuntukkan kuasa kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau syarikat yang dilantiknya memungut zakat daripada pemilik harta dan setiap orang yang melanggar akta atau enakmen tersebut boleh dikenakan hukuman.

Menurut Seksyen 16(b) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) secara jelas memperuntukkan kuasa kepada Majlis atau wakilnya untuk memungut zakat. Ini bermaksud orang yang membayar zakat atau fitrah melalui amil yang tidak dilantik oleh Majlis adalah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16(b) dan boleh dikenakan hukuman jika sabit kesalahan.

- (g) **Dr. Yusuf al-Qaradhawi** membuat kesimpulan bahawasanya para fuqaha' walaupun berselisih pandangan namun wujud persepakatan dari aspek:
- i. Hak pemerintah untuk memungut zakat sama ada harta zahir atau batin daripada rakyatnya apatah lagi jika urusan zakat diremehkan oleh masyarakat awam.
 - ii. Jika pemerintah cuai dalam melaksanakan tanggungjawab agihan maka tidak sama sekali gugur kewajipan zakat atas individu pemilik harta tetapi wajib dilaksanakan terus kepada asnaf.

Secara umumnya, agihan dilihat lebih sistematik dan menyeluruh jika dibuat menerusi institusi amil seperti Baitulmal dan pihak berkuasa zakat negeri. Tidak kira sama ada harta tersebut bersifat batin atau zahir pengurusannya tertakluk kepada pihak pemerintah mengikut panduan yang jelas dalam nas-nas yang berkaitan. Pandangan ini juga dipersetujui oleh beberapa ulamak lainnya seperti Syaikh Wahhab Khallaf, Syaikh Abd Rahman Hassan dan Syaikh Muhammad Abu Zuhrah.

- (h) Keputusan ini juga mengambil kira suatu kaedah yang menyebut : **“Zakat hendaklah diagih di tempat ianya dipungut”**.

2. Zakat **BOLEH DIPINDAHKAN** sekiranya mempunyai lebih setelah diagihkan kepada asnaf tempatan.²

² 1. Bagi memahami susur galur permasalahan dan membuat pertimbangan hukum, analisa masalah dibuat secara silang rujuk dengan hokum yang berkaitan persoalan memindahkan harta zakat.

2. Pentadbiran harta perolehan dalam sesebuah negara Islam terutamanya bahagian hasil kutipan zakat telah memperkenalkan satu kaedah atau system yang mesti dipatuhi oleh para amil iaitu:

أن توزع في الإقليم الذي تجبى منه

Maksudnya: “Zakat hendaklah diagih di tempat ianya dipungut.”

Perkara ini adalah yang terpenting terutamanya jika melibatkan zakat ternakan, bijian dan buah-buahan. Adapun berkaitan zakat wang, sistem yang diamalkan oleh kerajaan Islam pada masa itu ialah:

أنها تتبع المال لا المالك

Maksudnya: “Agihan zakat mengikut kedudukan harta, bukan mengikut pemilik.”

(Lihat Fiqh al-Zakah, 2/813-816)

3. **Imam Syaikh Qalyubi** di dalam kitabnya telah menakrifkan agihan zakat yang dibuat luar daripada tempat kutipan sebagai:

أن يعطى منها من لم يكن في محلها وقت الوجوب سواء أكان من أهل ذلك المحل أم من غيرهم سواء أخرجه عن المحل أم

جاءوا وقت الوجوب إليه

Maksudnya: “Zakat itu diagihkan kepada asnaf yang tidak berada di daerah kutipan waktu dikutip. Sama ada ia penduduk asal atau pendatang dari luar daerah waktu zakat dikutip. Begitu juga dengan dana zakat tersebut dihantar keluar daerah.”

(Hasyiata Qalyubi wa Umairah, 3/302)

4. Terdapat dua keadaan agihan zakat keluar daerah:

(a) **Penduduk Setempat Tidak Memerlukan Agihan Zakat**

(b) **Pemindahan Zakat dan Terdapat Mustahiq (Asnaf) Di Daerah Kutipan**

Terdapat tiga (3) pandangan para ulamak dalam hal ini:

i. **Makruh**

Ulamak yang berpendapat makruh memindahkan dana zakat keluar daripada kawasan kutipan terutama setelah tiba akhir haul kerana harta yang dikutip lebih elok jika diagihkan kepada golongan yang berhak menerimanya yang tinggal atau berada di dalam kawasan ktipan zakat berkenaan.

DATUK DR ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI
Pengerusi
Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak
Wilayah Persekutuan

ii. Harus

Pendapat ini dinisbahkan kepada mazhab Syafie. Harus hukumnya memindahkan harta zakat keluar daripada kawasan kutipan atas hujah-hujah berikut:

- Keumuman ayat 60 surah al-Taubah yang tidak menyebut secara jelas tentang daerah atau kawasan yang khusus. Muaz bin Jabal r.a. pernah menyeru penduduk Yaman agar mengumpulkan seberapa banyak pakaian sebagai ganti gandum dan jagung untuk dibahagikan kepada penduduk Madinah.
- Selain itu, pada masa pemerintahan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq pula, Adi bin Hatim dan Zabarqan ibn Badr telah menyerahkan kutipan zakat daripada kawasan Tay dan Bani Tamim ke Madinah untuk digunakan sebagai belanja menghadapi peperangan riddah. Khalifah Umar al-Khattab juga diriwayatkan telah membahagikan dana zakat yang dikirim oleh Gabenor Mesir, Amru al-As kepada penduduk Madinah yang ditimpa musim kemarau.

iii. Tidak Harus

Pendapat ini disandarkan kepada mazhab Maliki. Ulamak melarang dan menegah pemindahan dana zakat ke mana-mana tempat kerana asal tegahan ini berdasarkan kepada hadis Muaz r.a. selaku pegawai zakat yang ditugaskan memungut zakat di kawasan Yaman. Beliau mengutipnya di kawasan Yaman lalu membahagikannya di kalangan penduduk miskin Yaman. Begitu juga ketika beliau membawa lebih zakat dari Yaman ke Madinah dan ditolak oleh khalifah Umar bin al-Khattab r.a. serta mengarahkannya agar dibawa semula ke Yaman.

Dalam riwayat yang lain pula, telah diceritakan bahawa Abu Juhaifah seorang kanak-kanak yatim telah mendapat agihan seekor unta yang dibayar oleh penduduk di daerahnya.

(Al-Fiqh al-Wadiah Min al-Kitab Wa al-Sunnah Ala al-Mazahib al-Arbaah, 1/511)

5. Kesimpulannya, para ulamak fiqh bersepakat boleh memindahkan zakat kepada *mustahiq* dari daerah lain sekiranya penduduk daerah orang yang mengeluarkan (*muzakki*) tidak lagi memerlukan zakat itu. Jika penduduk daerah zakat itu sendiri masih memerlukan, maka zakat tidak boleh dipindahkan kerana tujuan zakat itu ialah mengembalikan harta kekayaan kepada fakir miskin di daerah itu.